



TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

YBRS. DR. MUHAMMAD RAWI BIN MOHAMED ZIN
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

SEMPENA

PROGRAM ADVOKASI NUKLEAR:
NUKLEAR UNTUK RAKYAT
(N.U.R)@WANITA

22 OGOS 2026 (SABTU) | 9.00 PAGI

REKASCAPE, CYBERJAYA

**PROGRAM ADVOKASI NUKLEAR:
NUKLEAR UNTUK RAKYAT (N.U.R)@WANITA
22 OGOS 2026 (SABTU) | 9.00 PAGI
REKASCAPE, CYBERJAYA**

(Salutati yang dikemaskini akan diletakkan di rostrum)

Yang Berbahagia Datin Safida Zalma binti Mohd Piah

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Yang Berusaha Encik Fadzrin Azwar Abdul Aziz

Senior Vice President
Bioeconomy Development Corporation (BEC)

Rakan-rakan Kerjasama Strategik, Wakil-wakil Persatuan Wanita dan Komuniti

Rakan-rakan Media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul dalam suasana yang penuh bermakna bagi menjayakan Program N.U.R @ Wanita pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu, saya mengalu-alukan Yang Berbahagia Datin Safida Zalma binti Mohd Piah, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta semua tetamu dan peserta ke Program N.U.R @ Wanita ini.
3. Kehadiran Yang Berbahagia Datin dan para tetamu sekalian amat bermakna kepada kami. Bagi kami, kesudian Yang Berbahagia Datin sebagai TKSU di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi khususnya adalah seumpama sokongan seorang ibu dan bapa terhadap anaknya.
4. Terutama terhadap usaha kami, Agensi Nuklear Malaysia dalam memperkasa advokasi sains, teknologi dan inovasi, khususnya dalam mendekatkan teknologi nuklear kepada masyarakat.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Program N.U.R@Wanita merupakan salah satu wadah yang ruang wacana sains dan teknologi nuklear yang dirangka untuk mendekatkan teknologi nuklear kepada masyarakat, khususnya

golongan wanita melalui pendekatan yang lebih santai, interaktif dan mesra komuniti.

6. Melalui pelbagai aktiviti yang disediakan pada hari ini, kita ingin memperkenalkan teknologi nuklear bahawa teknologi ini mempunyai pelbagai aplikasi yang memberi manfaat kepada kehidupan seharian serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Saya percaya pendekatan yang santai, interaktif dan dekat begini jadi satu kaedah yang berkesan untuk meningkatkan kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap teknologi nuklear.
8. Pada masa yang sama, saya berharap agar program ini dapat terus menarik minat dan memperkasa golongan wanita dalam bidang sains, teknologi dan inovasi umumnya, dan di dalam bidang teknikal yang melibatkan nuklear khususnya.
9. Sesungguhnya, usaha membawa teknologi nuklear lebih dekat kepada rakyat bukanlah tanggungjawab satu pihak sahaja. Ia memerlukan kerjasama dan sokongan daripada semua pihak, termasuk kementerian, agensi, industri, institusi pendidikan, komuniti dan masyarakat.
10. Semoga Program N.U.R @ Wanita – Nuklear Untuk Rakyat pada hari ini dapat memberikan manfaat kepada semua peserta, khususnya dalam mengenali teknologi nuklear serta manfaatnya kepada kehidupan dan pembangunan negara.

11. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perancangan dan Pembudayaan Sains, MOSTI, para jemputan, rakan-rakan strategik, penganjur, usahawan serta semua pihak yang bersama-sama menjayakan Program N.U.R @ Wanita pada hari ini.
12. Saya berharap hadirin yang ada pada hari ini dapat merasai bahawa teknologi nuklear adalah dekat dengan diri kita, khususnya melalui Program N.U.R @ Wanita ini. Semoga program pada hari ini berjalan dengan lancar dan memberikan manfaat kepada semua.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.

=====

#TAMAT#